

29/12/2001

Rakyat wajar jadikan muzik wadah pupuk perpaduan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat menjadikan muzik bukan setakat penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pengharum nama negara tetapi juga sebagai wadah memupuk semangat muhibah.

Perdana Menteri berkata, muzik adalah warisan budaya yang dikongsi masyarakat di negara ini dan dengan menghargai muzik kaum lain, semangat muhibah dapat dicapai.

"Apabila sesuatu acara itu diusaha serta dianjurkan pelbagai masyarakat yang belum pernah bersama sebelum ini, sesuatu yang baik boleh dicapai.

"Hakikat ini terpakai kepada semua masyarakat yang bekerja serta hidup bersama di satu tempat yang kita gelar Malaysia, tanahair kita," katanya ketika merasmikan ExpoMuzik 2001 di Pusat Pameran Mid Valley di sini hari ini.

ExpoMuzik selama tiga hari sehingga Ahad ini, menghimpunkan masyarakat perdagangan muzik, pendidikan dan hiburan yang mempamerkan peralatan muzik, produk dan perkhidmatan untuk semua peminat muzik.

Ia anjuran Camerata dell'Arta Kuala Lumpur, rangkaian tidak formal guru, pelajar, ibu bapa, profesional dan ahil perniagaan muzik, dengan matlamat memupuk dan mempromosikan persembahan seni muzik di negara ini.

Pesta Muzik KL berlangsung selama dua bulan sepanjang November dan Disember. Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Lim Mayli.

Pada majlis itu, Dr Mahathir didendangkan dengan nyanyian Selamat Hari Jadi dan rangkain lagu oleh 85 pemain piano, satu persembahan yang kemudian disahkan oleh Malaysia Book of Records sebagai penyertaan terbesar seumpamanya.

Dr Mahathir, yang menyambut ulang tahun kelahirannya ke-76 pada 20 Disember lalu berkata, muzik adalah perniagaan besar di dunia tetapi Malaysia belum bertapak kukuh kerana banyak perlu dilakukan untuk membangunkan industri muzik tempatan.

"Banyak aspek muzik yang boleh digalakkan di Malaysia termasuk pembuatan alat muzik, pendidikan muzik, pengurusan acara dan bakat muzik.

"Jika kita tidak melakukannya, orang lain akan melakukannya," katanya sambil memberi contoh, banyak pengurusan muzik dan bakat persembahan lain di negara ini diurus syarikat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, golongan muda yang mempunyai bakat dalam bidang muzik wajar dipupuk dan diberi galakan bagi membolehkan mereka menjadi penghibur bertaraf dunia yang dididik di negara sendiri.

"Biarpun Malaysia mempunyai dewan konsert dan kemudahan terbaik di dunia bagi menggalakkan pertunjukan seni, ia tidak bermakna jika negara tidak mempunyai atau mampu melahirkan penghibur sendiri bertaraf dunia," katanya.

Beliau berkata, menerusi latihan sesuai dan pembangunan bakat tempatan, negara boleh menjadi tuan rumah acara kebudayaan yang benar-benar bertaraf dunia serta menarik pencinta muzik dan pelancong asing.

Bakat muzik itu boleh memberi sumbangan bermakna kepada industri sokongan sektor multimedia yang kini giat dipromosikan kerajaan selain menjadikan industri hiburan tempatan sesuatu yang berdaya maju dan mapan.

"Bagi mencapai matlamat ini, kita mesti mewujudkan iklim serta persekitaran sesuai bagi membolehkan bakat muzik klasik dan genre muzik lain mengembangkan kemahiran dan bakat mereka dalam negara," katanya.

Dr Mahathir berharap pesta muzik itu akan menarik minat kanak-kanak

untuk mengikuti latihan muzik dan mungkin menjadikan muzik sebagai kerjaya masa depan mereka.

(END)